

Memorandum

No. Ruj. : USM. 38/6 Jld. VIII

Tarikh : 5 Februari 2026

Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia (USM)

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)

11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 8 TAHUN 2026

- **PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA CERAIAN SR.5.2.5: KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI YANG MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA DI INSTITUSI PENGAJIAN DALAM NEGARA**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan sedia maklum, peraturan mengenai pemberian kemudahan Cuti Tanpa Rekod (CTR) kepada pegawai awam yang mengikuti pengajian secara separuh masa diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia Ceraian SR.5.2.5. bertarikh 22 Disember 2025.

3. Bagi memastikan pelaksanaan pemberian kemudahan CTR ini selari dengan perkembangan semasa, Kerajaan bersetuju untuk menambahbaik peraturan berkaitan dengan kemudahan CTR bagi pegawai awam yang mengikuti pengajian secara separuh masa. Antara penambahbaikan dan pelaksanaan yang dibuat terhadap Pekeliling Perkhidmatan ini adalah seperti berikut:

- Jenis pengajian yang dibenarkan: Pengajian berbentuk akademik atau kemahiran yang diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).
- Kategori staf yang layak memohon: **Staf berjawatan tetap dan telah disahkan dalam jawatan sahaja.**
- Tafsiran kursus intensif: Modul yang merangkumi kuliah, tutorial, seminar, bengkel, kolokium atau latihan amal/latihan industri yang mewajibkan staf mengikutinya secara sepenuh masa dalam waktu bekerja sebagai syarat bergraduat atau lulus sesuatu program yang diiktiraf tetapi tidak termasuk bagi menduduki peperiksaan. Bagi menduduki peperiksaan, staf hendaklah memohon Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Kelompok – Mengambil Peperiksaan.
- Tempoh CTR: Tempoh CTR yang boleh diluluskan oleh Ketua Jabatan adalah mengikut tempoh sebenar kursus intensif dengan syarat ia tidak melebihi 30 hari dalam satu tahun kalendar. Staf boleh memohon CTR-Kursus Intensif PJJ/Kursus Intensif separuh masa melalui sistem e-Cuti.

4. Sehubungan itu, adalah dimaklumkan bahawa kemudahan CTR bagi mengikuti kursus intensif ini **hanya layak dipertimbangkan kepada staf yang telah diluluskan oleh Universiti untuk mengikuti pengajian secara separuh masa sahaja.** Bagi tujuan tersebut, staf yang berhasrat mengikuti pengajian secara separuh masa hendaklah memohon kelulusan belajar sambilan melalui aplikasi e-Belajar Sambilan (e-BLJR SAMBILAN) yang boleh diakses melalui Portal Campus Online.

..2/-

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 8 TAHUN 2026

- **PENAMBAHBAIKAN PEKELILING PERKHIDMATAN SUMBER MANUSIA CERAIAN SR.5.2.5: KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD KEPADA PEGAWAI YANG MENGIKUTI PENGAJIAN SECARA SEPARUH MASA DI INSTITUSI PENGAJIAN DALAM NEGARA**
-

5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato' Seri/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(SARINA BINTI RAZAK)

Timbalan Pendaftar
Bahagian Sumber Manusia

- Menjalankan Fungsi Ketua Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Pendaftar

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kesihatan

Timbalan Pendaftar Kanan
Jabatan Pendaftar
Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin

Timbalan Pendaftar
Pusat Kanser Tun Abdullah Ahmad Badawi